

26 JAN 2004

Abdullah-Kemboja/I

ABDULLAH BERJANJI MALAYSIA TERUS MELABUR, BERI BANTUAN KPD KEMBOJA

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

PHNOM PENH, 26 Jan (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi hari ini berjanji bahawa Malaysia akan terus melabur di Kemboja dan rakan sejawatannya Hun Sen mengucapkan terima kasih kepada

Kuala Lumpur bagi semua bantuan dalam usaha merencanakan lagi pembangunan

sosio-ekonomi negara beliau termasuk mengurangkan kadar kemiskinan.

Malaysia dan Kemboja dijangka mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama

di Kuala Lumpur pada April ini untuk mengkonkritkan keputusan yang dicapai

pada rundingan kedua-dua pemimpin itu di sini sempena lawatan empat jam

Abdullah ke Phnom Penh.

Bercakap kepada media Malaysia selepas mengadakan rundingan, Abdullah

berkata rakyat Malaysia akan memainkan peranan besar dalam perdagangan dan

pelaburan di Kemboja.

"Saya menerangkan kepada beliau bahawa Malaysia bersedia memainkan

peranan lebih besar, terutamanya dalam pembangunan infrastruktur di Kemboja," kata Perdana Menteri yang mempunyai aturcara lawatan ketat ke

negara itu yang mempunyai 13 juta penduduk, yang sebelum ini melakukan

lawatan yang sama ke Vietnam.

Abdullah berkata Hun Sen sukacita dengan adanya masyarakat perdagangan

Malaysia di Kemboja dan melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan terus

mampu menyertai proses pembangunan di negaranya.

Pemimpin Malaysian itu juga berkata Kemboja berminat mengadakan kerjasama erat dengan Malaysia dalam bidang pelancongan, Hun Sen mencadangkan Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan perkhidmatan ke Siem

Reap, pintu masuk ke kuil Angkor Wat.

Malaysia juga bersedia meneruskan bantuan kepada Kemboja di bawah

Program Kerjasama Teknikal Malaysia, kata Abdullah.

Semasa berucap pada Jamuan Makan Malam, Hun Sen berkata selepas mencapai keamanan dan kestabilan politik di seluruh negara dan dalam konteks integrasi rantau dan antarabangsa, negara itu hanya berperang untuk

mengatasi kemiskinan.

"Dalam tahun kebelakangan ini, pembangunan sosial dan ekonomi, pemulihan infrastruktur negara dan pertumbuhan ekonomi telah dicapai ke tahap yang memuaskan.

"Bagaimanapun, kita komited untuk mempercepatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi untuk mengurangkan kadar kemiskinan seperti yang dirancang," kata Hun Sen, yang sebelum itu ke Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh untuk mengalu-ngalukan lawatan Abdullah.

Perdana Menteri Kemboja mengucapkan terima kasih kepada Malaysia kerana bantuannya dalam bidang pembangunan sumber manusia dan menggalakkan pelabur dari negara itu meningkatkan lagi pelaburan di negara beliau.

Pada Jamuan Makan Malam yang diadakan sebelum Abdullah berlepas pulang ke Kuala Lumpur, Abdullah berkata walaupun beberapa ahli perniagaan Malaysia menghadapi masalah, beliau secara amnya optimistik bahawa keyakinan pelabur di Kemboja akan meningkat.

Beliau berkata Malaysia menyedari bahawa satu suasana perniagaan terbuka dan pro-perniagaan sedang ditingkatkan oleh Kemboja, termasuk penubuhan rangka kerja pengawalan dan menginstitusikan apa yang perlu.

Abdullah berkata beliau yakin bahawa rakyat Kemboja yang cergas dan pintar akan terus maju merebut peluang ekonomi yang banyak terdapat di negara mereka dan di rantau ini.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berharap bahawa Kemboja akan mengeksploitasikan peluang ekonomi dan perdaganagn sepenuhnya setelah negara itu menjadi anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tahun lepas.

Beliau juga memuji Hun Sen dalam kesungguhan beliau memimpin Kemboja menuju proses demokrasi serta mewujudkan keamanan dan kestabilan negara.

"Kita menunggu penubuhan Mandat Ketiga Kerajaan Diraja Kemboja yang baru berikutan kejayaan dan keamanan pilihan raya umum tahun lepas," kata beliau.

Pada mesyuarat berasingan dengan kebanyakan anggota Majlis Perniagaan Malaysia Kemboja (MBBC), Abdullah berkata beliau mahu melihat mereka terus menyumbang secara positif ke arah hubungan baik antara kedua-dua buah negara.

Adalah difahamkan mereka mahu membuat keuntungan tetapi apa yang lebih penting kata beliau, mereka hendaklah menunjukkan satu tahap profesionalisme perniagaan yang tinggi semasa di Kemboja.

Katanya beliau belum menerima sebarang aduan mengenai peniaga Malaysia di sini, Abdullah berkata: "Apa yang saya harapkan ialah menjaga nama baik Malaysia."

Ditubuhkan pada 1997, MBBC bertujuan menggalak dan menyokong pembangunan masyarakat perniagaan Malaysia dan pelaburan di Kemboja.

Kini, anggota MBCC termasuk Petronas, Penerbangan Malaysia (MAS), Cambodia Public Bank, Maybank, Muhibbah Engineering, Sunway Hotel, Quality Textiles and Business Times.

Abdullah diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau akan melakukan lawatan ke Myanmar dalam rangka lawatan terakhir beliau ke ibu negara Asean. Abdullah menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri pada 31 Okt lepas.

-- BERNAMA

MAM JM BK